



Pasukan Sorak Rasmi Atlet Negara Sukan SEA dan Sukan PARA ASEAN

Sertai komuniti Team Malaysia™
www.teammalaysia.my

#KamiTeamMalaysia #BangkitBersama
#SemangatNegeraku #Negeraku

PENAJA PLATINUM



Pasukan Sorak Rasmi Atlet Negara Sukan SEA dan Sukan PARA ASEAN

Sertai komuniti Team Malaysia™
www.teammalaysia.my

#KamiTeamMalaysia #BangkitBersama
#SemangatNegeraku #Negeraku

PENAJA PLATINUM



FOTO: OSMAN ADNAN, HAIRUL ANUAR RAHIM, AIZUDDIN SAAD & MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN



YANG di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V menyampaikan titah ucapan perasmian.

■ Bukit Jalil warna-warni, pembukaan Sukan SEA meriah

Saiful Affendy Sapran,
Devinder Singh, Mohd Fitri
Muhamad & Fardy Bungga
sukan@metro.com.my

Kuala Lumpur

Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur ke-29 dibuka secara rasminya dalam majlis pembukaan gilang gemilang di Stadium Nasional Bukit Jalil, malam tadi.

Seperti kebiasaan penganjuran temasya dwitahunan, upacara berlangsung dengan penuh warna-warni dengan menonjolkan kepelbagaian budaya dan kesenian tempatan.

Elemen itu diangkat sebagai faktor utama sepanjang pertunjukan sekali gus melengkapkan kemeriahan di venue serba moden yang baru dinaiktaraf sambil menerapkan empat aspek utama penganjuran Provenance, Similarities in Diversity, Together We Are Stronger, dan A Nation Built on Inclusion.

Upacara bermula dengan persembahan muzik tujuh sekolah dimulakan Sekolah Menengah (SMK) Katolik, SMK Seafield, SMK Kepong, St John's Institution, Chong Hua Independent, SMK Seri

Kembangan dan Chong Hua Jalan Gombak sebelum diteruskan dengan pertunjukan barisan perajurit Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Upacara berwarna-warni itu turut mengambil kira kebudayaan dan keunikan di negara ini yang menjadi lambang kepada 32 juta penduduk.

Seterusnya, maskot rasmi diperkenalkan sebelum diikuti perarakan masuk kontinjen negara bertanding yang membabitkan kira-kira 6,000 atlet dan pegawai, bermula dengan Brunei Darussalam, diikuti Kemboja, Indonesia, Laos, Filipina, Singapura, Thailand, Timor Leste, Vietnam dan diakhiri dengan perarakan masuk barisan kontinjen Malaysia yang diketuai Chef-de-Mission Datuk Marina Chin.

Barisan atlet negara yang diketuai tiga pembawa bendera, Azizulhasni Awang (berbasikal), Cheong Jun Hong (terjun) dan Al Jufferi Jamari (silat) kelihatan segar dan cantic dengan mengenakan persalinan baju kurung pesak dan baju melayu moden yang direka khas.

Selepas ucapan Presiden Persekutuan Sukan Asia Tenggara (SEAGF) Tunku Tan Sri Imran Tuanku Ja'afar, majlis dilengkapkan dengan pengumuman rasmi pembukaan temasya Daripada Yang di-Pertuan Agong Ke-15 Sultan Muhammad V.

Majlis itu turut dihadiri



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

la diteruskan dengan bacaan ikrar yang diketuai jaguh lompat tinggi, Nauraj Singh Randhawa.

Majlis pembukaan dilengkapkan dengan perarakan masuk obor kejohanan jaguh negara, - past, present dan future - dengan diketuai sukan bowling sebelum diikuti berbasikal, hoki, olahraga, badminton dan skuad terjun sebelum obor kejohanan dinyalakan secara rasmi sebagai lambang bermulanya temasya.

Sebanyak 111 emas disasarkan untuk kontinjen negara pada temasya kali ini yang membabitkan 38 jenis sukan dan 398 acara.

Semangat setia kawan jadi keutamaan

Kuala Lumpur: Di sebalik persaingan di dalam gelanggang, semangat kesukanan, prinsip kebersamaan dan setia kawan harus jadi keutamaan pada penganjuran kali ini.

Presiden Persekutuan Sukan Asia Tenggara (SEAGF) Tunku Imran Tuanku Ja'afar berharap apa yang diinginkan semua pihak mampu terlaksana pada penganjuran kali ini.

"Kepada atlet, skuad sokongan, saya ucapkan selamat maju jaya dan berharap kamu dapat capai impian serta objektif dalam semangat kebersamaan, kesukanan dan setia kawan.

"Juga kepada pegawai, pekerja dan sukarelawan, saya juga ucapkan selamat maju ja-

ya dalam menjalankan tugas.

"Akhir sekali sudah pasti kepada penonton dan penyokong. Saya harap semuanya dapat menikmati dan meraih pengalaman berharga," katanya pada ucapan ketika majlis pembukaan semalam.

Dalam masa sama, Tunku Imran juga mengucapkan tahniah kepada Malaysia yang kembali tampil selaku tuan rumah selepas kali terakhir berbuat demikian 16 tahun lalu.


"Ini kali keenam Malaysia yang juga antara pengasas kejohanan menjadi tuan rumah selepas kali terakhir pada 2001, juga di Kuala Lumpur.

"Mewakili persekutuan (SEAGF), saya ucapkan tah-

“

Kepada atlet, skuad sokongan, saya ucapkan selamat maju jaya dan berharap kamu dapat capai impian serta objektif dalam semangat kebersamaan, kesukanan dan setia kawan. Kepada pegawai dan sukarelawan, saya juga ucapkan selamat maju jaya dalam menjalankan tugas.”

Tunku Imran Tuanku Ja'afar niah dan terima kasih kepada Malaysia terutama kepada Pengerusi Jawatankuasa Penganjur (MASOC), Khairy Jamaluddin Abu Bakar atas kerja keras untuk memastikan penganjuran ini berjaya dan sesuatu yang tidak akan dilupakan," katanya.



Peminat teruja, masuk stadium awal

Kuala Lumpur: Penganjuran edisi ke-29 Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur (KL2017) selepas kali terakhir pada 2001 nyata mencetuskan rasa teruja seluruh rakyat Malaysia.

Buktinya, pada majlis pembukaan rasmi semalam, Stadium Nasional Bukit Jalil menjadi saksi apabila segenap pelusuk rakyat daripada berbagai kaum hadir memberi sokongan kepada kontinjen negara.

Sokongan padu turut dibenarkan penyokong negara jiran yang membawa bendera ke-

bangsaan masing-masing untuk menyemarakkan semangat juang atlet mereka.

Sejak jam 3 petang, orang ramai sudah hadir di perkarangan stadium untuk memeriahkan suasana meskipun pintu masuk belum dibuka. Mereka memanfaatkan masa yang ada untuk mengunungi kawasan perkarangan stadium yang menjual pelbagai barangan termasuk cenderahati temasya.

Segala-galanya berjalan lancar kerana majoriti mereka hadir menggunakan pengangkutan awam.

Kawal keselamatan juga berada pada tahap terbaik dengan bantuan anggota polis. Mereka antara 8,000 anggota dan pegawai yang terbabit dengan temasya Sukan SEA kali ini.

Hanya pada jam 5 petang, baru penonton dibenarkan masuk ke dalam stadium secara berperingkat.

Meskipun acara rasmi hanya bermula jam 8 malam, penonton nyata cukup teruja dengan memenuhi stadium lebih awal sambil menyaksikan beberapa persembahan awal.



ANTARA persembahan kebudayaan yang dipertunjukkan malam tadi.



KONTINJEN negara memasuki stadium.

